



## SIARAN MEDIA

### **PEMANTAUAN BERTERUSAN DILAKSANAKAN OLEH JKM DAN KKM BAGI MEMASTIKAN PANDUAN PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 DIPATUHI**

**PUTRAJAYA, 12 JUN –** YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan lawatan ke TASKA Mawaddah di Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Kompleks Islam bagi meninjau pematuhan pihak Taska kepada Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 semasa Perintah Kawalan Pergerakkan Pemulihan (PKPP) bagi Warga Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). Taska ini merupakan salah sebuah TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Bagi memastikan pematuhan terhadap panduan yang telah dibangunkan, JKM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melakukan pemantauan dari masa ke semasa ke atas semua TASKA yang telah mula beroperasi”, menurut YB Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Dalam lawatan ini juga, YB Menteri turut menzahirkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin atas keprihatinan pihak Kerajaan yang telah memperuntukkan geran *one-off* sebanyak RM 5000.00 kepada pengusaha TASKA di Tempat Kerja dan TASKA di Institusi serta sebanyak RM 1500.00 kepada pengusaha TASKA di rumah melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA).

Selain daripada itu melalui PENJANA juga, bagi meningkatkan kemahiran pengasuh dalam pendidikan awal kanak-kanak, insentif sebanyak RM900.00 akan diberikan kepada setiap pengasuh yang mengikuti latihan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (KAP). Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebimbangan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke TASKA berdaftar dengan JKM kerana pengasuh yang bekerja di TASKA adalah terlatih dan berkualiti.

Bantuan melalui PENJANA ini, bukan hanya diberikan kepada pengusaha dan pengasuh taska sahaja malah Ibu bapa turut diberikan insentif berbentuk perlepasan cukai pendapatan individu yang dinaikkan sehingga RM3000 bagi yuran Taska. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban ibu bapa yang terlibat.

Semoga dengan pelaksanaan panduan ini dan insentif-insentif yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan dapat membantu pengusaha TASKA, Ibu Bapa dan Kanak-kanak mendapat perkhidmatan pengasuhan yang berkualiti semasa tempoh PKPP ini.

Turut hadir sama semasa lawatan ini adalah YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Encik Zulkifli bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta wakil-wakil daripada KKM dan JAKIM.

###

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, No 55 Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
Tel: 03-83231088

E-mel:[info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)